

BAHASA MALAYSIA

Terma dan Syarat 'Extreme Weather Coverage Customer Rewards Campaign'

1. 'Extreme Weather Coverage Customer Rewards Campaign' ("Kempen") dianjurkan oleh Etiqa General Insurance Berhad dan Etiqa General Takaful Berhad ("Penganjur" atau "Etiqa") dan akan tertakluk pada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
2. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta:
 - (a) bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
 - (b) bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Etiqa sepanjang Tempoh Kempen ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
 - (c) bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
 - (d) bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka didedahkan kepada pihak-pihak yang dibenarkan termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Kempen;
 - (e) bersetuju untuk membenarkan Etiqa untuk menyiarkan nama mereka, gambar yang diambil, atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, semasa dan pada masa hadapan, dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Kempen ini tanpa sebarang pampasan;
 - (f) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak kepada sebarang pampasan daripada Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang limitasi, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada pengubahan, pembatalan, atau penangguhan Kempen ini.
 - (g) tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan, pengumuman, atau pernyataan umum mengenai perkara yang sama, sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

Pelaksanaan Kempen:

3. Kempen ini akan bermula pada 1 Oktober 2025 pada jam 00.00 AM MYT dan berakhir pada 31 Disember 2025 pada jam 11:59 PM MYT ("Tempoh Kempen"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan dan dianggap tidak layak dipertimbangkan untuk Hadiah.
4. Kempen ini terdiri daripada TIGA (3) Pusingan yang akan berlangsung mengikut tarikh-tarikh berikut:

Pusingan 1: 1 Oktober 2025 pada 00:00 AM MYT hingga 31 Oktober 2025 pada 11:59 PM MYT.

Pusingan 2: 1 November 2025 pada 00:00 AM MYT hingga 30 November 2025 pada 11:59 PM MYT.

Pusingan 3: 1 Disember 2025 pada 00:00 AM MYT hingga 31 Disember 2025 pada 11:59 PM MYT.

5. Peserta perlu mematuhi Langkah-langkah Kempen berikut agar penyertaannya dianggap layak dan memenuhi syarat:
Pembaharuan atau pendaftaran untuk pelan Insurans/Takaful Kereta Etiqa dan sertakan perlindungan tambahan cuaca buruk dengan pelan semasa Tempoh Kempen.
6. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa General Insurance Berhad atau Etiqa General Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my) I Ahli PIDM.
7. Setiap bulan, seratus (100) Peserta yang layak akan dipilih sebagai Pemenang secara rawak dengan menggunakan alat rawak berdasarkan senarai peserta bulanan yang layak.
8. Tiga ratus (300) orang Pemenang akan dipilih pada akhir Kempen.

Kelayakan:

9. Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas sahaja.
10. Kempen ini hanya boleh disertai melalui aplikasi Etiqa+, melalui ejen Etiqa, cawangan Etiqa, laman web Etiqa di <https://partner.etiqa.com.my/mfe/product/motor/insurance> (Pelan Insurans Kereta) / <https://partner.etiqa.com.my/mfe/product/motor/takaful> (Pelan Takaful Kereta)
11. Setiap pelan yang diperbaharui atau didaftarkan dengan perlindungan tambahan cuaca buruk dengan pelan adalah bersamaan dengan satu penyertaan.
12. Ahli Jawatankuasa Penganjuran Kempen ini dan Panel Juri Etiqa dan/atau kakitangan di bawah Kumpulan Maybank dan Etiqa termasuk ahli keluarga terdekat mereka tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Hadiah:

13. Pemenang untuk setiap Pusingan akan menerima hadiah berikut:
RM100 Baucar e-Dagang
14. Pemenang akan dimaklumkan secara individu dengan butiran hadiah oleh Etiqa melalui e-mel berdasarkan alamat e-mel yang diberikan oleh Pemenang kepada Etiqa pada akhir setiap tempoh kempen.
15. Peserta yang layak tanpa alamat e-mel yang sah atau tiada akan secara automatik dikecualikan daripada kelayakan hadiah.
16. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada

sebahagian atau sepenuhnya. Tiada permohonan untuk menukar hadiah atau sebarang bahagian atau penampilan atau aksesori akan diterima.

17. Hadiah yang diberikan bukan bertujuan untuk mengubah terma dan syarat Polisi/Sijil yang dikeluarkan, yang tertakluk kepada peraturan pemprosesan atau penilaian standard Syarikat.
18. Semua Hadiah tidak boleh dijual semula.
19. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Etiqa dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, jaminan atau pengesahan, sama ada secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berhubung dengan hadiah.

Notis Privasi Etiqa

20. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur selaras dengan Notis Privasi Syarikat yang dapat dilihat di www.etiqa.com.my ("Notis Privasi") dan Borang PDPA untuk Pelanggan individu.
21. Di samping itu, tanpa menjejaskan syarat-syarat di dalam Notis Privasi Etiqa dan Borang PDPA, dan tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Penganjur untuk:
 - (a) tujuan-tujuan Kempen ini;
 - (b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Penganjur di mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk media iklan atau publisiti atau bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa batasan bagi penggunaan dan/atau berkaitan dengan entri, bahan wawancara serta respons dan gambar-gambar yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, setiap Peserta bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan dan/atau pertimbangan lebih lanjut, dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Penganjur yang munasabah yang berkaitan dengan Kempen ini.
22. Etiqa berhak untuk:
 - (a) mengikut budi bicara mutlaknya untuk tidak melayakkan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau yang didapati atau disyaki secara munasabah yang mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan akan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan tindakan menipu dan/atau muslihat dan/atau penipuan yang berkaitan dengan Kempen ini;
 - (b) menarik, membatalkan, menangguhkan, memanjangkan atau menghentikan Kempen lebih awal secara keseluruhan atau secara sebahagian sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Penganjur. Penganjur juga berhak untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengubah suai mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa

dengan memberikan notis awal dalam tempoh yang dianggap munasabah dan notis tersebut akan diposkan di www.etiqa.com.my atau melalui saluran lain yang difikirkan sesuai oleh Penganjur dan oleh itu, butiran-butiran yang dipinda tersebut akan dianggap berkuat kuasa dan akan dibaca dan ditafsirkan seolah-olah butiran yang telah dipinda tersebut telah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat.

23. Etiqa, termasuk pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk, tanpa sebarang had, pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang diupah oleh Etiqa untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan atau sebarang bentuk liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang dihasilkan secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya. Sebagai tambahan, Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas pelanggaran kewajibannya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure*, termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, perang, rusuhan, sekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang wajar oleh Penganjur.
24. Terma dan Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
25. Etiqa berhak membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan tipu daya dan/atau penipuan dan/atau kecurangan berhubung dengan Kempen.
26. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi Khidmat Pelanggan Etiqa di 1300 13 8888. Sebagai pilihan lain, untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Etiqa di info@etiqa.com.my.